



## **Sidang Parlimen dijadual Jun dipinda 3 minggu lebih awal**

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - Mac 22, 2023 @ 4:22pm  
yusri.muzamir@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Ke-15 Dewan Rakyat yang sepatutnya diadakan pada pertengahan Jun depan, dipinda tiga minggu lebih awal.

Perkembangan itu dimaklumkan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul, selaras Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sehubungan itu, katanya, persidangan Dewan Rakyat berikutnya akan diadakan selama 11 hari, mulai 22 Mei hingga 15 Jun depan, berbanding jadual asal selama 10 hari mulai 12 hingga 27 Jun depan.

Beliau berkata, pindaan tarikh persidangan itu bagi memberi laluan kepada Ahli Parlimen yang akan menjalani ibadah haji tahun ini, untuk membuat persiapan sewajarnya.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju supaya takwim Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Ke-15 Dewan Rakyat dipinda.

"Ini memandangkan tarikh sambutan Hari Raya Aidiladha dijangka pada 29 Jun depan. Notis bertulis (mengenai pindaan tarikh persidangan) akan diberikan kepada semua ahli Yang Berhormat selepas ini.

"Ia (pindaan tarikh persidangan) susulan permintaan saya kepada Perdana Menteri kerana ramai ahli Yang Berhormat akan menjalani ibadah haji di Makkah tahun ini dan perlu membuat persiapan sewajarnya," katanya.